



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.utm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 11(1) 2025

**Journal of
Contemporary
Islamic Studies**

Pengaruh al-Quran terhadap Kesiediaan Imam Bilal Muda UTM dalam Menyumbang kepada Ummah

(The Influence of the al-Quran on Imam Bilal Muda UTM's Willingness to Contribute to the Ummah)

Muhammad Dhiauddin Ahmad Termizi^{1*}✉, Abdul Hafiz Abdullah¹

¹Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor

ARTICLE INFO

Article history:

Received 25 July 2024

Accepted 22 December 2024

Published 10 March 2025

Keywords:

Al-Quran
bilal
community
influence
ummah

Katakunci:

al-Quran
bilal
imam
pengaruh
ummah

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v11i1.8>

ABSTRACT

Since the Qur'an was revealed to mankind, its influence in shaping human beings across various aspects is beyond doubt. This raises the question: to what extent does the Quran affect or influence UTM's young imams and bilal in their commitment to serving the community? Therefore, this study was conducted to address this question. Using a quantitative method, this study involved 27 prospective imams and young bilals from UTM as respondents. The analysis revealed that UTM's young imams and bilals have a strong relationship with the Quran. They are also willing and prepared to contribute to the community at UTM and its surrounding areas. Furthermore, Pearson's correlation analysis identified a strong influence of the respondent's relationship with the Quran on their willingness to serve the community. Ultimately, it is hoped that this study will raise awareness among various parties about the importance of the Quran as a source of inspiration for humanity.

ABSTRAK

Sejak al-Quran diturunkan kepada umat manusia, pengaruh yang dibawanya dalam mencorakkan manusia daripada pelbagai aspek tidak dapat disangkal lagi. Sehubungan itu, timbul persoalan sejauh mana kesan atau pengaruh al-Quran terhadap imam dan bilal muda UTM dalam usaha mereka berkhidmat kepada masyarakat. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan seramai 27 orang calon imam dan bilal muda UTM sebagai responden. Setelah dianalisis, didapati imam dan bilal muda UTM mempunyai hubungan yang baik dengan al-Quran. Mereka

^{1*} Corresponding author. E-mail address: dhiauddin@graduate.utm.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v11i1.8>

juga bermotivasi dan bersedia untuk menyumbang khidmat kepada masyarakat di UTM dan kawasan sekitarnya. Selain itu, analisis korelasi Pearson mendapati hubungan yang kuat antara hubungan responden dengan al-Quran dan kesediaan mereka untuk berkhidmat kepada ummah. Akhir sekali, diharapkan kajian ini mampu memberikan kesedaran kepada banyak pihak akan kepentingan al-Quran sebagai sumber inspirasi bagi manusia.

PENDAHULUAN

Al-Quran adalah kitab suci umat Islam dan diyakini sebagai wahyu dari Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Al-Quran mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam kehidupan manusia, khususnya bagi umat Islam, kerana Al-Quran mengandungi ajaran Islam yang menyediakan pedoman hidup yang wajib diikuti oleh setiap Muslim.

Pengaruh Al-Quran terhadap kehidupan manusia dapat dilihat dari pelbagai aspek. Jika dilihat dari sudut kerohanian, Al-Quran mempunyai pengaruh yang besar terhadap kehidupan rohani manusia. Al-Quran mengajarkan tentang keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT serta memberikan petunjuk dalam melaksanakan ibadah kepada-Nya (Andy, 2019; Zaim, 2019). Banyak ayat Al-Quran yang menceritakan perihal keimanan dan ketakwaan ini. Jika dianalisis, terdapat 730 perkataan 'beriman' dan 183 perkataan 'bertakwa' di dalam Al-Quran. Pengulangan sebanyak ini menjadi bukti bahawa Al-Quran menginginkan manusia menjadi hamba Allah SWT yang beriman dan bertakwa agar mereka dapat lebih mendekatkan diri kepada Tuhan serta meningkatkan kualiti rohani mereka.

Selain itu, Al-Quran turut memberikan impak terhadap pembentukan akhlak manusia. Al-Quran mengajar tentang akhlak yang baik, seperti jujur, adil, sabar, belas kasihan, dan sebagainya (Kuswandi et al., 2020; Zehra, 2022). Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam Al-Quran, di mana perkataan 'jujur' atau 'amanah' diulang sebanyak 18 kali, perkataan 'adil' diulang sebanyak 57 kali, dan perkataan 'sabar' diulang sebanyak 43 kali. Perkataan 'belas' atau 'belas kasihan' pula diulang sebanyak 28 kali. Selain itu, Al-Quran turut memberikan petunjuk tentang tingkah laku manusia dalam berinteraksi dengan orang lain, seterusnya membantu meningkatkan akhlak mereka (Sajidah & Hussin, 2021).

Aspek lain yang turut terkesan dengan kehadiran Al-Quran ialah aspek sosial, di mana Al-Quran mempunyai pengaruh besar terhadap kehidupan sosial manusia. Al-Quran mengajar tentang persaudaraan dan solidariti sesama Islam serta memberi petunjuk tentang hubungan manusia dengan alam sekeliling (Haslinda Alpandi et al., 2023; Nawawi et al., 2020). Hal ini terbukti apabila perkataan 'saudara' diulang sebanyak 76 kali dalam Al-Quran, manakala perkataan yang berkaitan dengan alam semula jadi seperti 'pokok' diulang sebanyak 26 kali, 'tumbuhan' sebanyak 14 kali, 'laut' sebanyak 56 kali, dan 'awan' sebanyak 21 kali. Oleh itu, pengulangan ini membantu meningkatkan kesedaran manusia untuk membina hubungan sosial yang harmoni dan mengelakkan konflik sosial.

Selain itu, Al-Quran juga mempunyai pengaruh positif terhadap kesihatan manusia. Al-Quran mengajar tentang kepentingan menjaga kesihatan tubuh badan dan jiwa serta memberi petunjuk tentang pemakanan sihat (Ibrahim et al., 2021; Mohd et al., 2021). Tambahan pula, banyak kajian membuktikan bahawa Al-Quran mempengaruhi bacaan glukosa dalam darah, kadar beta-endorfin, tahap kecemasan, serta terapi farmaseutikal dan bukan farmaseutikal (Anwar et al., 2019; Astuti & Purnama, 2019; Indriyati et al., 2021; Latuapo et al., 2020). Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa Al-Quran memberikan pengaruh yang signifikan serta membantu manusia mengekalkan kesihatan fizikal dan mental mereka.

Akhir sekali, Al-Quran mempunyai pengaruh yang besar dalam pembangunan intelektual manusia. Al-Quran mengajar tentang ilmu dan hikmah serta memberi petunjuk tentang cara berfikir yang betul (Aemy et al., 2021; Jamil et al., 2019). Malah, ini merupakan salah satu penekanan utama tentang sebab Al-Quran

diturunkan kepada umat manusia, iaitu untuk membimbing mereka ke arah nilai keilmuan yang saksama serta kemahiran menggunakan akal dengan betul. Jika dilihat dalam Al-Quran, perkataan ‘fikir’ diulang sebanyak 54 kali, dan imbuhan perkataan tersebut, iaitu ‘berfikir’, diulang sebanyak 31 kali. Perkataan ‘ilmu’ pula diulang sebanyak 60 kali, manakala perkataan ‘hikmah’ diulang sebanyak 7 kali. Natijahnya, Allah SWT memberi penekanan yang besar dalam Al-Quran agar manusia mengembangkan intelektual mereka dan meningkatkan kualiti hidup secara keseluruhan.

Kesimpulannya, Al-Quran mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam kehidupan manusia khususnya bagi umat Islam. Al-Quran memberikan garis panduan hidup yang menyeluruh, merangkumi aspek kerohanian, akhlak, sosial, kesihatan dan intelektual, yang membantu manusia menjalani kehidupan yang lebih baik dan bermakna.

MASALAH KAJIAN

Al-Quran tidak dinafikan memberikan pengaruh yang sangat besar dalam kehidupan manusia, sebagaimana yang telah dibahaskan sebelum ini. Dalam pada itu, kesan meninggalkan Al-Quran dalam kehidupan seharian juga perlu diberi perhatian. Antara ancaman yang disebut dalam Al-Quran buat mereka yang meninggalkan Al-Quran adalah kekal dalam kesesatan (Surah Al-Jumuah, 62: 2), mengalami kesempitan dalam kehidupan (Surah Taha, 20: 124), hati menjadi keras (Surah Al-Hadid, 57: 16), digelar sebagai orang yang zalim (Surah Al-Sajdah, 32: 22), dan menjadi teman syaitan (Surah Al-Zukhruf, 43:36).

Secara praktikal, antara kesan yang dapat diperhatikan daripada para imam yang kurang melazimi Al-Quran adalah kualiti bacaan mereka yang lemah serta tiada peningkatan. Perlu diingatkan bahawa Rasulullah SAW memberikan keutamaan kepada pemilihan imam yang paling mahir dalam membaca Al-Quran sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Mas’ud RA, beliau berkata bahawa Nabi SAW bersabda, yang bermaksud:

“Yang menjadi imam bagi sesuatu kumpulan ialah orang yang lebih pandai membaca Al-Quran. Sekiranya mereka setara dalam bacaan, maka yang lebih alim dalam hadis, jika dalam hadis mereka pun sama maka yang lebih dahulu berhijrah, dan jika dalam hijrah juga mereka masih sama maka yang lebih tua usianya di kalangan mereka.”

Riwayat Muslim: 613

Sewajarnya, amalan melazimi Al-Quran adalah suatu keperluan, terutamanya buat imam kerana kepentingan membaca Al-Quran di dalam solat itu sendiri. Menurut Imam Nawawi dalam ‘Al-Tibyaan fi Adab Hamalah Al-Quran’, para salaf terdahulu sangat melazimi Al-Quran sehingga mampu mengkhataamkan Al-Quran dalam tempoh satu hari seperti Usman bin Affan RA, Tamim Al-Dari RA, Saidina Said bin Jubair, Imam Mujahid, Imam As-Syafi‘i dan ramai lagi (Ismail & Hamid, 2020; Rijan et al., 2024). Justeru, dengan melihat skop kajian di Universiti Teknologi Malaysia, timbul persoalan: sejauh mana kelaziman calon para imam dan bilal dalam berinteraksi dengan Al-Quran sehingga akhirnya mampu menambah baik kualiti bacaan mereka dan benar-benar melayakkan diri untuk memimpin solat di masjid atau surau tempatan?

Selain itu, para imam turut berperanan dalam menyantuni masyarakat setempat dengan penuh hikmah. Hal ini dinyatakan dengan jelas oleh Ketua Imam Masjid Jamek Raja Tun Uda, Shah Alam, Firdaus Subhi, ketika ditemubual oleh Berita harian. Menurut beliau, peranan imam sangat penting, bukan sahaja sebagai pemimpin solat, bahkan sebagai individu utama dalam berhubung dengan segenap lapisan masyarakat (Berita Harian). Dalam usaha menyantuni masyarakat, seorang imam perlu ikhlas, mempunyai pengetahuan agama yang luas, dan mampu menjadi teladan kepada masyarakat setempat (Abd. Wahab et al., 2016; Salamun & Rashid, 2016). Tambahan lagi, imam perlu sentiasa bersedia untuk berkhidmat dan

membangunkan jati diri yang berkualiti (Johari et al., 2021). Untuk itu, timbul persoalan: sejauh manakah tahap kesediaan imam dan bilal muda UTM dalam menyantuni masyarakat setempat?

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, Al-Quran benar-benar memainkan peranan yang besar dalam kehidupan umat manusia. Sejalan dengan kelaziman calon imam dan bilal muda UTM dalam berinteraksi dengan Al-Quran serta kesediaan mereka untuk berkhidmat kepada ummah, timbul persoalan: sejauh mana kelaziman tersebut memberi impak terhadap kesediaan mereka dalam menyantuni masyarakat setempat?

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa permasalahan yang telah dinyatakan di atas. Sehubungan dengan itu, kajian ini dirangka dengan beberapa objektif agar mampu menyelesaikan isu yang timbul, sekaligus memberikan sumbangan kepada dunia akademik. Antara objektif kajian ini adalah:

1. Menilai hubungan imam dan bilal muda UTM dengan Al-Quran dalam kehidupan seharian.
2. Mengenal pasti tahap kesediaan imam dan bilal muda UTM untuk berkhidmat kepada masyarakat di dalam dan sekitar UTM.
3. Mengkaji hubungan antara pengaruh Al-Quran dan tahap kesediaan imam serta bilal muda UTM untuk berkhidmat kepada masyarakat di dalam dan sekitar UTM.

METOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan metodologi kuantitatif dengan instrumen soal selidik yang diberikan kepada 28 orang responden. Kesemua responden terdiri daripada mahasiswa UTM yang terpilih untuk mengikuti program 'Kursus Imam dan Bilal Muda UTM'. Metodologi kuantitatif dipilih kerana kekuatannya dalam menyediakan rangka kerja yang menyeluruh bagi mendapatkan data empirikal, menyelaraskan pengumpulan data, serta memudahkan perbandingan secara langsung.

Instrumen soal selidik kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama merangkumi soalan berkaitan demografi responden, di mana ia mengandungi lima soalan. Bahagian kedua pula mengandungi soalan berkaitan hubungan responden dengan Al-Quran, di mana bahagian ini terdiri daripada 12 soalan. Bahagian terakhir juga mengandungi 12 soalan yang menilai kesediaan responden untuk berkhidmat kepada masyarakat di dalam dan sekitar UTM. Item-item yang dikemukakan dalam soal selidik ini dibangunkan hasil daripada kajian kepustakaan dan perbincangan bersama pakar bidang (Abd Rahim et al., 2021). Untuk memastikan instrumen yang digunakan sah, kadar kebolehpercayaan instrumen akan diuji menggunakan nilai Cronbach's Alpha (CA). Kadar CA yang melebihi 0.6 menunjukkan instrumen kajian mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Mohd Jamaluddin & Abdullah, 2023).

Setelah data dikumpul, ia dianalisis dengan bantuan perisian IBM SPSS Statistics versi 29 (Statistical Package for the Social Sciences) bagi memperoleh keputusan analisis yang tepat. Analisis bagi bahagian kedua akan membantu menjawab objektif pertama kajian, manakala bahagian ketiga pula akan menjawab objektif kedua. Analisis bagi menjawab objektif pertama dan kedua kajian dilakukan secara deskriptif dengan meneliti nilai min dan sisihan piawai data. Untuk mentafsir data kajian ini, kajian ini merujuk kepada cadangan interpretasi yang digunakan oleh Roslan dan Surat (2022), iaitu nilai min 1.00 hingga 1.33 ditafsirkan sebagai rendah; nilai min 1.34 hingga 2.66 ditafsirkan sebagai sederhana dan nilai min 2.67 hingga 4.00 ditafsirkan sebagai tinggi.

Seterusnya, perkaitan antara bahagian kedua dan ketiga dalam instrumen soal selidik ini akan digunakan untuk menjawab objektif ketiga kajian. Objektif ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara pengaruh Al-Quran dengan tahap kesediaan imam dan bilal muda UTM untuk berkhidmat kepada

masyarakat di dalam dan sekitar UTM. Analisis ini akan dijalankan menggunakan ujian korelasi. Sebelum ujian korelasi dilakukan, ujian normaliti perlu dijalankan bagi menentukan jenis ujian korelasi yang sesuai. Jika data kajian menunjukkan taburan normal, maka Ujian Korelasi Pearson wajar digunakan. Jika sebaliknya, maka Ujian Korelasi Spearman lebih sesuai digunakan (Akbar et al., 2023). Hasil analisis korelasi ini akan ditafsir menggunakan kriteria kekuatan hubungan seperti yang dicadangkan oleh Cohen (2013) iaitu nilai 0.00 menunjukkan tiada hubungan; nilai antara 0.10 dan 0.29 menunjukkan hubungan yang lemah, nilai antara 0.30 dan 0.49 menunjukkan hubungan yang sederhana dan nilai antara 0.50 dan 1.00 menunjukkan hubungan yang kukuh.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 29 dengan mengaplikasikan analisis deskriptif dan inferens. Sebelum analisis dilakukan, ujian kebolehpercayaan akan dijalankan bagi mengukur ketepatan dan konsistensi instrumen kajian dengan merujuk kepada nilai Cronbach's Alpha (CA). Berdasarkan Jadual 1, nilai CA bagi 12 item dalam bahagian pertama instrumen soal selidik kajian ini ialah 0.759, manakala nilai CA bagi bahagian kedua ialah 0.883. Ini menunjukkan bahawa instrumen soal selidik dalam kedua-dua bahagian mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan wajar digunakan, kerana kedua-dua nilai CA melebihi nilai rujukan 0.6.

Jadual 1: Ujian Statistik Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha

Bahagian	Statistik kebolehpercayaan	
	Cronbach's Alpha	Bilangan item
1 Hubungan dengan Al-Quran	0.759	12
2 Kesediaan untuk berkhidmat	0.883	12

Sumber: Penulis (2025)

Sebelum analisis bagi menjawab objektif kajian diteruskan, analisis demografi peserta kajian akan dilakukan terlebih dahulu. Analisis ini bertujuan untuk memberikan gambaran awal mengenai latar belakang peserta kajian, yang terdiri daripada mahasiswa UTM yang terpilih sebagai calon imam dan bilal muda UTM. Daripada 27 orang responden, seramai 24 orang berminat menjadi imam, manakala tiga orang berminat menjadi bilal. Dari segi fakulti pengajian, 12 orang merupakan pelajar Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, diikuti oleh 11 orang daripada Fakulti Kejuruteraan, dan empat orang daripada Fakulti Alam Bina dan Ukur. Dari segi tahun pengajian, majoriti responden adalah pelajar tahun pertama dan kedua, iaitu seramai 21 orang, manakala hanya enam orang berada di tahun ketiga dan keempat pengajian. Berdasarkan pengalaman hafazan, lima orang tidak pernah menghafaz Al-Quran, sementara tiga orang sudah menghafaz surah pilihan dan Juz 'Ammah serta menghabiskan lima juz hafazan. Selain itu, lapan orang telah menghafaz 10 juz, seorang telah menghafaz 15 juz, dan tujuh orang telah menamatkan hafazan mereka. Kesemua maklumat ini diringkaskan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Kekerapan Dan Peratusan Demografi Responden Kajian

	Pilihan	Kekerapan	Peratus (%)
Kecenderungan	Imam	24	88.9
	Bilal	3	11.1
	Jumlah	27	100.0
Fakulti	Kejuruteraan	11	40.7
	Sains Sosial dan Kemanusiaan	12	44.4
	Alam Bina dan Ukur	4	14.8
	Jumlah	27	100.0
Tahun Pengajian	Satu	11	40.7
	Dua	10	37.0

	Tiga	5	18.5
	Empat	1	3.7
	Jumlah	27	100.0
Jumlah Hafazan	Tiada hafazan	5	18.5
	Surah pilihan dan juz amma	3	11.1
	5 juz	3	11.1
	10 juz	8	29.6
	15 juz	1	3.7
	30 juz	7	25.9
	Jumlah	27	100.0

Sumber: Penulis (2025)

Seterusnya, bagi menjawab objektif pertama kajian ini, iaitu menilai hubungan imam dan bilal muda UTM dalam kehidupan seharian bersama Al-Quran, analisis terhadap bahagian kedua soal selidik telah dilakukan. Analisis ini melibatkan pengiraan min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam bahagian tersebut. Berdasarkan Jadual 3 di bawah, hanya tiga item berada pada tahap sederhana, iaitu item nombor 4, 11, dan 12. Sementara itu, baki item lain berada pada tahap tinggi.

Item 4, yang mengukur kekerapan pelajar berjumpa guru hafazan untuk menyemak bacaan, berada pada tahap sederhana. Hal ini disebabkan oleh ketiadaan penyertaan mereka dalam kelas hafazan secara formal, yang membolehkan mereka lebih kerap berjumpa guru untuk menyemak bacaan. Item 11, yang turut berada pada tahap sederhana, menunjukkan bahawa calon imam dan bilal muda UTM masih belum membaca tafsir Al-Quran dalam kuantiti yang banyak. Sementara itu, item 12 menunjukkan bahawa ulangan harian hafazan calon imam dan bilal muda UTM secara puratanya masih belum melebihi 15 muka surat dalam sehari. Secara keseluruhannya, calon imam dan bilal muda UTM mempunyai hubungan yang baik dengan Al-Quran berdasarkan tahap interpretasi keseluruhan yang tinggi, dengan nilai min sebanyak 2.97.

Jadual 3: Statistik Deskriptif Hubungan Imam Bilal Muda UTM Dengan Al-Quran

No	Soalan	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Saya akan memastikan saya bangun seawal pagi sebelum subuh supaya beliau bersedia untuk solat sunat tahajjud dan menghafaz Al-Quran	2.93	0.917	Tinggi
2	Saya memastikan saya kerap bergaul rapat dengan orang yang sentiasa mengulang hafazan Al-Quran	3.37	0.688	Tinggi
3	Saya memastikan saya mengulang/membaca ayat yang telah saya hafaz setiap selesai solat fardu setiap hari.	2.96	0.980	Tinggi
4	Saya kerap berjumpa dengan guru Al-Quran untuk memeriksa tahap hafazan terkini saya.	2.56	0.801	Sederhana
5	Saya masih berhubung dengan guru-guru dan rakan-rakan Al-Quran saya di sekolah lama.	2.96	1.018	Tinggi
6	Saya membina suasana pembelajaran yang kondusif untuk membangkitkan semangat saya untuk menghafaz/membaca Al-Quran	3.30	0.669	Tinggi
7	Saya akan memastikan saya solat berjemaah sama ada di masjid atau surau kolej.	3.30	0.669	Tinggi
8	Apabila saya merasa stress atau sedih, saya akan membaca Al-Quran.	3.44	0.577	Tinggi
9	Saya sering mengharap Allah menerima amalan saya ketika saya membaca Al-Quran	3.89	0.320	Tinggi
10	Saya menjadikan Al-Quran sebagai sumber inspirasi dalam kehidupan saya.	3.59	0.572	Tinggi

11	Saya sudah membaca terjemahan/tafsir Al-Quran untuk lebih memahami Al-Quran sebanyak: 1) 1/4 daripada keseluruhan Al-Quran 2) 1/2 daripada keseluruhan Al-Quran 3) 3/4 daripada keseluruhan Al-Quran 4) keseluruhan Al-Quran	1.76	0.892	Sederhana
12	Saya akan membaca/mengulang hafazan sekurang-kurangnya: 1) 1 mukasurat sehari 2) 15 mukasurat sehari 3) 30 mukasurat sehari 4) 60 mukasurat sehari	1.53	0.555	Sederhana
Purata/keputusan keseluruhan		2.97	0.722	Tinggi

Sumber: Penulis (2025)

Selanjutnya, bagi menjawab objektif kajian iaitu mengenal pasti tahap kesediaan imam dan bilal muda UTM untuk berkhidmat kepada masyarakat di dalam dan sekitar UTM, analisis terhadap bahagian ketiga menggunakan pengiraan min dan sisihan piawai telah dijalankan. Berdasarkan Jadual 4, hanya dua item yang berada pada tahap sederhana, iaitu Item 10 dan Item 12.

Item 10 menunjukkan bahawa kemahiran imam dan bilal muda UTM dalam soal jawab agama masih berada pada tahap sederhana. Hal ini disebabkan oleh keutamaan peranan imam dan bilal yang lebih tertumpu pada kemahiran dalam Al-Quran dan suara, manakala kemahiran dalam soal jawab agama lebih relevan kepada ustaz atau penceramah (Che Nor, 2023). Item 12 pula menunjukkan bahawa kemahiran calon imam dan bilal muda UTM dalam pengurusan jenazah juga berada pada tahap sederhana. Kemahiran ini seharusnya bukan hanya dikuasai oleh imam dan bilal, tetapi oleh semua lapisan masyarakat. Hal ini kerana individu terbaik yang wajar menguruskan jenazah seseorang adalah waris atau anaknya sendiri (Shamsuddin, 2019). Namun demikian, tahap sederhana bagi Item 12 ini boleh dijelaskan oleh faktor bahawa responden kajian masih berstatus calon imam dan bilal muda, dan belum lagi berkhidmat secara rasmi di UTM serta dalam masyarakat sekeliling. Secara keseluruhannya, imam dan bilal muda UTM menunjukkan tahap kesediaan yang tinggi untuk berkhidmat kepada UTM dan masyarakat sekeliling, berdasarkan interpretasi keseluruhan dengan nilai min sebanyak 3.06.

Jadual 4: Statistik Deskriptif Kesediaan Imam Bilal Muda UTM Untuk Berkhidmat

No	Soalan	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Saya bersedia untuk menjadi imam/bilal secara adhoc di masjid UTM jika tiada imam/bilal.	3.33	0.784	Tinggi
2	Saya sering menunjukkan contoh yang baik kepada rakan-rakan di UTM.	3.26	0.526	Tinggi
3	Saya tidak mengharapkan bayaran ketika saya bertugas sebagai imam/bilal.	3.07	0.829	Tinggi
4	Saya tidak keberatan untuk menyusun semula jadual saya jika diminta untuk bertugas di masjid luar UTM.	3.30	0.609	Tinggi
5	Saya tidak merasa agak berat jika perlu menaiki teksi/grab untuk ke masjid untuk bertugas sebagai imam/bilal.	2.93	0.730	Tinggi
6	Saya tidak terkilan jika imam/bilal lain mendapat saguhati berupa duit dan saya tidak mendapatkan bahagian saya.	3.07	0.829	Tinggi
7	Saya sanggup untuk menghadiri kursus untuk kemajuan diri saya sebagai imam/bilal.	3.59	0.572	Tinggi

8	Saya sanggup untuk mewakili mana-mana organisasi jika dipilih untuk membaca doa di khalayak ramai.	3.37	0.629	Tinggi
9	Saya tidak segan dan malu untuk berdiri di hadapan orang ramai bagi tujuan keagamaan .	2.96	0.808	Tinggi
10	Saya tidak kekok dan sanggup untuk menjawab persolan-persolan jemaah berkaitan perihal agama.	2.52	0.802	Sederhana
11	Saya tidak kekok dan sanggup untuk menjadi khatib di MSI dan masjid-masjid lain sekitarnya.	2.89	0.892	Tinggi
12	Saya mampu untuk menguruskan jenazah secara adhoc jika ketiadaan imam bilal lain.	2.41	0.931	Sederhana
Purata/keputusan keseluruhan		3.06	0.745	Tinggi

Sumber: Penulis (2025)

Sebelum menjawab objektif ketiga kajian, ujian normaliti perlu dijalankan bagi kedua-dua pembolehubah utama, iaitu pembolehubah bebas (hubungan imam dan bilal dengan Al-Quran) serta pembolehubah bersandar (kesediaan imam dan bilal untuk berkhidmat). Berdasarkan Jadual 5, keputusan ujian Kolmogorov-Smirnov menunjukkan nilai signifikan sebanyak 0.200. Oleh kerana nilai $p > 0.05$, maka data bagi pembolehubah bebas adalah bertaburan secara normal (Roşu et al., 2024). Begitu juga bagi Jadual 6, keputusan ujian Kolmogorov-Smirnov bagi pembolehubah bersandar menunjukkan nilai signifikan sebanyak 0.192, yang juga melebihi 0.05. Oleh itu, data bagi pembolehubah bersandar turut bertaburan secara normal (Roşu et al., 2024).

Jadual 5: Ujian Normaliti Pembolehubah Bergerakbalas

	Kolmogorov-Smirnova			Shapiro-Wilk		
	Statistic	df	Sig.	Statistic	df	Sig.
IV	0.132	27	0.200*	0.961	27	0.379

*. Ini adalah batas bawah kepentingan sebenar.
a. Pembetulan Kepentingan Lilliefors

Sumber: Penulis (2025)

Jadual 6: Ujian Normaliti Pembolehubah Bersandar

	Kolmogorov-Smirnova			Shapiro-Wilk		
	Statistic	df	Sig.	Statistic	df	Sig.
IV	0.139	27	0.192*	0.976	27	0.768

*. Ini adalah batas bawah kepentingan sebenar.
a. Pembetulan Kepentingan Lilliefors

Sumber: Penulis (2025)

Setelah ujian normaliti memenuhi syarat, Ujian Korelasi Pearson dipilih untuk menentukan kekuatan hubungan antara kedua-dua pembolehubah utama. Ujian ini digunakan bagi menjawab objektif terakhir kajian, iaitu mengkaji hubungan antara pengaruh Al-Quran dan tahap kesediaan imam serta bilal muda UTM untuk berkhidmat kepada masyarakat di dalam dan sekitar UTM. Berdasarkan Jadual 7, keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai signifikan (2-tailed) adalah 0.007, yang lebih kecil daripada 0.05. Ini menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang signifikan antara pembolehubah bebas (IV) dan pembolehubah bersandar (DV) (Akbar et al., 2023). Selanjutnya, nilai pekali korelasi adalah 0.506, yang menurut interpretasi Cohen (2013) menunjukkan hubungan yang sederhana hingga kuat antara kedua-dua pembolehubah. Dapatan ini mengukuhkan bukti bahawa Al-Quran memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi kesediaan imam dan bilal muda UTM untuk berkhidmat kepada masyarakat di dalam dan sekitar UTM.

Jadual 7: Ujian Korelasi Pearson Antara Dua Pembolehubah

		IV	DV
IV	Korelasi Pearson	1	0.506**
	Sig. (2-tailed)		0.007
	N	27	27
DV	Korelasi Pearson	0.506**	1
	Sig. (2-tailed)	0.007	
	N	27	27

**, Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

Sumber: Penulis (2025)

RUMUSAN KAJIAN

Al-Quran tidak dinafikan lagi memberikan impak yang besar kepada manusia dalam segenap aspek kehidupan. Kajian ini merupakan sebahagian kecil daripada bukti impak Al-Quran terhadap kesediaan imam dan bilal muda UTM untuk berkhidmat kepada masyarakat. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga objektif kajian ini berjaya dicapai. Tahap hubungan imam dan bilal muda UTM dengan Al-Quran berada pada tahap yang baik. Begitu juga, kesediaan mereka untuk berkhidmat kepada masyarakat UTM dan sekitarnya adalah tinggi. Selain itu, pengaruh hubungan dengan Al-Quran menunjukkan kesan positif terhadap kesediaan imam dan bilal muda UTM untuk berkhidmat kepada masyarakat. Sebagai penutup, diharapkan kajian ini dapat membuka mata banyak pihak tentang peri pentingnya Al-Quran sebagai sumber inspirasi dalam kehidupan, selain menjadi bukti tambahan kepada kemukjizatan Al-Quran dalam mencorakkan kehidupan manusia.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua calon imam dan bilal muda UTM yang sudi meluangkan masa untuk memberikan respon dalam menjayakan kajian ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Pengarang tidak mempunyai konflik kepentingan kepada mana-mana pihak, individu atau pertubuhan dari segi kewangan dan kepentingan lain dalam penulisan ini.

SUMBANGAN PENGAJAI

Pengkaji pertama merangka idea awal kajian bersama pengkaji kedua sebelum membuat penulisan penuh. Pengkaji kedua kemudiannya membuat semakan dan pengesahan. Kedua-dua pengkaji bersetuju untuk membuat penghantaran manuskrip bagi tujuan penerbitan.

RUJUKAN

- Abd Rahim, N. F. F., Muhammad, F., Abdul Razak, A., Mohamed, A. Z., Mohd Hussin, M. Y., & Awang, S. A. (2021). Konsep Zakat Fitrah: Tinjauan Dalam Kalangan Mahasiswa Pengajian Tinggi. *Jurnal Umran UTM*. <https://jurnalumran.utm.my/index.php/umran/article/view/447/242>
- Abd. Wahab, N. A., Ab. Hamid, N., & Che Man, N. (2016). Pemerkasaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari. *Journal UiTMT*, 5(2), 219–229.

- Aemy, A., Ibrahim, M. A., Islam Ismail, M. S., & Ismail, S. (2021). Kepentingan dan Saranan Menuntut Ilmu Menurut Islam Berdasarkan Dalil Al-Quran dan As-Sunnah. *Voice of Academia (VOA)*, 17(2), 62–71.
- Akbar, R., Sukmawati, U. S., & Katsirin, K. (2023). Analisis Data Penelitian Kuantitatif: Pengujian Hipotesis Asosiatif Korelasi. *Jurnal Pelita Nusantara*, 1(3), 430–448. doi:10.59996/JurnalPelitaNusantara.V1I3.350
- Andy, S. (2019). Hakekat tafsir surat Al-Fatihah (Pemahaman Hakikat Ibadah Kepada Allah SWT dalam Menghadapi Persoalan Kehidupan). *Jurnal At-Tibyan: Jurnal Ilmu Alqur'an Dan Tafsir*, 4(1), 78–100.
- Anwar, K. K., Hadju, V., & Massi, M. N. (2019). Pengaruh Murottal Al-Quran Terhadap Peningkatan Kadar Beta-Endorphin dan Penurunan Tingkat Nyeri Pasien Post Sectio Caesarea. *Jurnal Kesehatan*, 10(2), 289852.
- Astuti, A., & Purnama, A. (2019). Pengaruh Membaca Al-Quran terhadap Kadar Glukosa Darah pada Pasien Diabetes Melitus di RSUD Cengkareng Tahun 2018. *Jurnal Ilmiah Ilmu Keperawatan Indonesia*, 9(02), 577–584.
- Che Nor, N. (2023, March 10). Hanya Individu Mahir, Berpengetahuan Luas Mengenai Islam Diberi Tauliah Mengajar. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/944244/hanya-individu-mahir-berpengetahuan-luas-mengenai-islam-diberi-tauliah>.
- Cohen, J. (2013). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*. Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences. Abingdon: Taylor and Francis.
- Haslinda Alpandi, A., Ali, N. B., & Anuar, A. (2023). Integrasi Ilmu Al-Quran dan Bidang Kejuruteraan: Kajian Analisis Terhadap Manfaat Air dalam Meningkatkan Pengeluaran Minyak Mentah. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 9(1).
- Ibrahim, S. Z., Abd Razak, S. R., Mohamad, N., & Rosman, S. Z. (2021). Amalan Gaya Hidup Sihat Ketika Pandemik Covid-19 Memenuhi Tuntutan Maqasid Al-Syariah. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(3), 1–15.
- Indriyati, I., Herawati, V. D., Sutrisno, S., & Putra, F. A. (2021). Pengaruh Terapi Komplementer Dengan Mendengarkan Murottal Al-Quran Terhadap Tingkat Kecemasan Pada Mahasiswa Tingkat Akhir Yang Menyusun Skripsi Pada Situasi Pandemic Covid-19. In *Prosiding University Research Colloquium*, 997–1011.
- Ismail, I., & Hamid, A. (2020). Adab Pembelajaran Al-Quran: Studi Kitab At-Tibyan Fi Adabi Hamalatil Quran. *Jurnal Ilmiah Ar-Risalah: Media Ke-Islaman, Pendidikan Dan Hukum Islam*, 18(2), 219–233.
- Jamil, T. N. H. T., Abd Khafidz, H., & Osman, K. (2019). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pendekatan *Abqari Journal*, 19(1), 33–45.
- Johari, F., Ab Aziz, M. R., Zulkefli, Z., Misbah, H., Haji Alias, M., Abdul Hamid, S., ... Khairi, K. F. (2021). Pembangunan Model Jawatankuasa Kerja Penubuhan Mini Baitulmal di Masjid. In *International Islamic Economic System Conference*, 406–417.
- Kuswandi, S. H., Effendi, D. I., & Mujib, A. (2020). Bimbingan Akhlak Pada Anak Melalui Sistem Halaqah Quran. *Irsyad: Jurnal Bimbingan, Penyuluhan, Konseling, Dan Psikoterapi Islam*, 8(2), 165–182.
- Latuapo, A., Farid, M., & Ab Rahman, Z. (2020). Pharmaceutical and Nonpharmaceutical Use of Music and Al-Quran Therapy In Preventing The Spread of Pandemics (Covid-19): A Systematic Review. *Systematic Reviews in Pharmacy*, 11(12), 1171–1179.

- Mohd Jamaluddin, R. M., & Abdullah, N. H. (2023). Hubungkait Kepimpinan Maya dan Keterlibatan Pekerja. *Research in Management of Technology and Business*, 4(1), 1–4. doi:10.30880/rmtb.2023.04.01.001
- Mohd, R. A., Ghazali, N. M., Fauzi, N. M., & others. (2021). Analisis Tematik Pemakanan dan Gaya Hidup Sihat Berasaskan Nutrigenomik Berdasarkan Tafsiran Ayat 31 Surah al-A'raf. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*.
- Nawawi, S. F. A., Din, R., & Othman, N. (2020). Enam Nilai Utama Dari Perspektif Risalah Nur: Usaha Membangun Jiwa Insan Dalam Perancangan Pengajaran. *Journal of Personalized Learning*, 3(1), 87–93.
- Rijan, M. H. M., Yakub, M. A., & Ali Hassan, A. R. (2024). Kefahaman Ayat Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 10(1). doi:10.24191/jcis.v10i1.7
- Roslan, Z., & Surat, S. (2022). Hubungan antara Tahap Kesediaan dan Motivasi Pelajar Sarjana Pendidikan Semasa Pembelajaran Atas Talian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(8). doi:10.47405/mjssh.v7i8.1652
- Roşu, D., Cojanu, F., Vişan, P. F., Samarescu, N., Ene, M. A., Muntean, R. I., & Ursu, V. E. (2024). Structured Program for Developing the Psychomotor Skills of Institutionalized Children with Special Educational Needs. *Children 2024*, Vol. 11, Page 102, 11(1), 102. doi:10.3390/Children11010102
- Sajidah, N. A., & Hussin, H. (2021). Perspektif Al-Quran Dalam Menangani Punca Keganasan Rumahtangga Sewaktu Wabak Covid-19. In *Proceeding Antasari International Conference* (Vol. 2).
- Salamun, H., & Rashid, R. (2016). Tahap Amalan Kepemimpinan Pengerusi Masjid Di Terengganu. *Journal of Business and Social Development*, 4(1), 65–77.
- Shamsuddin, M. A. (2 February 2019). Lebih Afdal Anak Urus Jenazah Ibu, Bapa. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/02/526723/lebih-afdal-anak-urus-jenazah-ibu-bapa>
- Zaim, M. (2019). Tujuan Pendidikan Perspektif Al-Quran Dan Hadits (Isu Dan Strategi Pengembangan Pendidikan Islam). *Muslim Heritage*, 4(2).
- Zehra, M. (2022). A Study of Two Distinct Opinions Concerning the Quranic View on Peaceful Co-existence and Violence in a Pluralistic Society. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 8(2), 1–12. doi:10.24191/jcis.v8i2.1



© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).